

## **Ramai anak muda terlibat najis dadah**

Posted on August 8, 2014, Friday

### **Semua pihak disaran tampil bantu banteras kegiatan penagihan di semua peringkat**

Oleh Nick Fletcher //

KUCHING: Masih begitu ramai anak muda di negeri ini yang terjerumus dalam penagihan dadah sehingga membuatkan Pengerusi Lembaga Pelawat Pusat Khidmat Pulih dan Prihatin (CCRC) Kuching Datuk Abang Khalid Abang Marzuki menyifatkannya sangat merunsingkan.

Justeru, beliau menyarankan semua pihak terutama orang ramai dan NGO agar tampil di bawah semangat sukarelawan bagi membantu membanteras kegiatan penagihan dadah di semua peringkat masyarakat.

“Waktu ini, kita melihat ramai anak muda terjerumus dalam kancah dadah...ini sangat merunsingkan dan kami prihatin mengenainya di mana kami akan membantu membanteras gejala pengambilan dadah sehingga ke peringkat kampung.

“Maka, saya berharap akan banyak lagi NGO serta orang ramai tampil dan menjadi suka-relawan bagi mengatasi masalah ini,” katanya pada sidang media sempena Majlis Aspirasi dan Penghargaan CCRC Kuching 2014 di sini, semalam.

Turut hadir Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Sarawak Wan Madihi Wan Salleh dan Pengarah CCRC Kuching Winnie Lugit.

Sementara itu, Abang Khalid telah dilantik menjadi pengerusi Lembaga Pelawat CCRC Kuching bagi penggal kedua sesi 2014-2016 dengan anggota yang terdiri daripada pelbagai latar belakang seperti ahli perniagaan, ahli perubatan, pegawai kerajaan, ahli akademik dan sebagainya.

Lembaga Pelawat merupakan ahli-ahli sukarela yang berperanan membantu dan memberi nasihat bagi urusan-urusan penyelenggaraan, rekreasi dan disiplin serta kebajikan penghuni dalam program rawatan dan pemulihan.

Justeru, Abang Khalid berharap pelaksanaan pelbagai program akan memberi harapan dan semangat kepada klien CCRC Kuching bahawa masih ada masyarakat dan pemimpin yang sayang dan prihatin terhadap mereka.

Namun, beliau menegaskan bahawa usaha-usaha sedemikian amat memerlukan komitmen daripada masyarakat, klien, kakitangan, ahli Lembaga Pelawat dan lebih-lebih lagi keluarga serta pemimpin masyarakat sama ada dalam bentuk idea, tenaga mahupun sokongan moral.

“Cabaran untuk membantu proses pemulihan bekas penagih dadah bukan tugas yang mudah dan tergalas di bahu individu perseorangan sahaja sebaliknya ia memerlukan gandingan bersama semua pihak agar usaha ini berjaya dalam membentuk generasi bebas dadah.

“Justeru, sokongan luar akan meningkatkan lagi iltizam serta semangat organisasi untuk terus menabur bakti dan menyemai budi kepada masyarakat,” katanya.

Dalam pada itu, Majlis Aspirasi dan Penghargaan CCRC Kuching 2014 menyaksikan penyampaian warta pelantikan pengerusi dan ahli Lembaga Pelawat CCRC Kuching Sesi 2014-2016.

Majlis kemudian disusuli dengan penyampaian sijil penghargaan bagi Ujian Pematuhan SOP dalam Kawalan Keselamatan, Kakitangan Yang Berjaya Membanteras Penyeludupan Barang Terlarang, Pengurusan Kewangan Peribadi Berhemah dan Kerja Berpasukan Terbaik.

Majlis turut diserikan dengan persembahan koir 1M4U dan nya-nyian lagu raya oleh kakitangan dan klien CCRC Kuching.